

MIC lulus resolusi gesa sistem merit disemak semula

UM 19 MAY 2002

SHAH ALAM 18 Mei – Perhimpunan Agung MIC Ke-56 hari ini meluluskan resolusi khas menggesa kerajaan supaya menyemak semula sistem meritokrasi bagi kemasukan ke institusi pengajian tinggi awam (IPTA).

Resolusi itu yang dibentangkan oleh Timbalan Presiden parti, Datuk S. Subramaniam, mencadangkan agar semakin berkeñaan turut membabitkan langkah memberi tambahan tempat kepada pelajar India untuk memasuki IPTA tahun ini.

“Ia wajar dilakukan kerana sistem berkeñaan telah menyebabkan jumlah kemasukan pelajar India ke IPTA merosot daripada 7.8 peratus tahun lalu kepada 4.7 peratus tahun ini,” kata Subramaniam.

Kementerian Pendidikan pada 9 Mei lalu mengumumkan bilangan pelajar bumiputera yang berjaya mendapat tempat ke IPTA tahun ini meningkat kepada 22,557 orang iaitu 68.9 peratus berbanding 55 peratus tahun sebelumnya.

Sebanyak 8,665 orang lagi (26.4 peratus) ialah pelajar dari kaum Cina manakala selebihnya 1,530 orang (4.7 peratus) adalah pelajar kaum India.

Perhimpunan hari ini turut meluluskan 11 usul lain antaranya meminta kerajaan meningkatkan bilangan kaum India dalam perkhidmatan awam, mewujudkan gaji bulanan untuk pekerja ladang getah dan supaya disediakan tapak khas untuk rumah ibadat bukan Islam.

Sebelum itu, perhimpunan menjadi hangat apabila beberapa perwakilan berbahas secara emosional sambil membangkitkan rasa tidak puas hati dengan sistem meritokrasi.

Perhimpunan yang dihadiri oleh 1,400 perwakilan tersebut akan dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, esok.

Presiden parti, Datuk Seri S. Samy Vellu semasa sidang akhbar pada sesi rehat perhimpunan berkata, sikap emosional terbabit adalah tidak wajar dalam persekitaran negara yang terdiri daripada berbilang kaum.

“Emosi tidak boleh membawa apa-apa hasil kepada kita, barangkali kali ini kita sudah hilang sedikit tetapi lain kali kita boleh dapat semula,” tegasnya.

Samy Vellu menambah, beliau yakin perasaan tidak puas hati tersebut tidak akan menjejaskan sokongan ahli parti terhadap Barisan Nasional (BN).

“Kita adalah parti komponen BN yang kini menguasai kerajaan, kerajaan itu adalah kita dan bukan orang lain, tambahan pula kerajaan BN sentiasa mendengar suara setiap parti komponennya,” jelas beliau.

Beliau menegaskan, dakwaan kononnya kerajaan dan Perdana Menteri tidak mengambil berat nasib kaum India adalah tidak berasas.